

TARIKH	RABU, 29 MAC 2023
AKHBAR	UTUSAN MALAYSIA
TAJUK ARTIKEL	ALAM FLORA MENJUARAI KEMAMPAHAN PENGURUSAN SISA BERIMPAK TINGGI
M/S	7
BIDANG	WASTE
KATA KUNCI	WASTE MANAGEMENT

Dalam Negeri

Alam Flora menjuarai kemampuan pengurusan sisa berimpak tinggi

PETALING JAYA: Laporan terbaru Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu menyatakan, populasi global boleh meningkat kepada 8.5 bilion pada 2030 dan sekitar 9.7 bilion pada 2050. Dengan peningkatan populasi dunia, penggunaan sumber asli secara tidak bertanggungjawab berisiko menyumbang kepada kerosakan planet dan penduduk dunia perlu memainkan peranan dalam memastikan penggunaan secara lebih bertanggungjawab, khususnya melibatkan syarikat-syarikat termasuk di Malaysia.

Menyedari senario itu, Alam Flora Environmental Solutions Sdn. Bhd. (AFES), iaitu anak syarikat Alam Flora Sdn. Bhd. (AFSB) fokus meneruskan agenda kelestarian di samping menyebarkan luas aplikasi serta sistem pengurusan sisa berpusat untuk manfaat rakyat dan negara secara keseluruhan. AFES, yang dahulu dikenali sebagai DRB-HICOM Environmental Services wujud hampir lapan tahun sejak 2013 dan menawarkan penyelesaian alam sekitar melalui aktiviti perniagaan teras Pengurusan Aset dan Fasilitas, Penyelesaian Pembersihan & Sisa Infrastruktur dan Kemudahan Pengurusan Sisa.

Ketua Pegawai Operasinya, Nazar Abdul Raof menegaskan, pihaknya berazam menyediakan penyelesaian lebih baik bukan sahaja kepada entiti korporat, perniagaan dan komuniti, malah untuk majlis perbandaran, kerajaan tempatan serta pemaju hartanah dan perumahan. Menurutinya, berdasarkan Laporan Jurang 2021 oleh Circle Economy, daripada 100 bilion tan bahan yang memasuki ekonomi global, hanya 8.6 peratus dikitar semula ke dalam ekonomi dan paras berkenaan perlu digandakan kepada 17 peratus.

Malakoff Corporation Berhad, iaitu syarikat induk AFES telah menetapkan prestasi petunjuk utama yang tinggi yang mana organisasi terbabit perlu menguruskan sisa pepejal berjumlah 10,000 tan sehari menjelang 2031, dengan kadar kitar semula 15 peratus hingga 20 peratus. "Bagi mencapai matlamat berkenaan, pertama sekali kami perlu mewujudkan kesedaran mengenai siapa AFES serta perkhidmatan yang ditawarkan dan kami berhasrat untuk melaksanakannya melalui pendidikan. Sebagai permulaan, kami akan melakukannya menerusi kemudahan terbaharu kami, iaitu Fasilitas Inovasi Kitar Semula (FIKS) dan Fasilitas Kitar Semula Bersepadu (IRF) di Presint 5, Putrajaya.



NAZAR bersama wakil dari Universiti Utara Malaysia ketika lawatan di FIKS, Putrajaya baru-baru ini.

"Kemudahan yang memerlukan belanja lebih RM12 juta ini menggabungkan teknologi terkini untuk pengendalian dan pengurusan sisa, selaras dengan sasaran kami dalam menyediakan perkhidmatan nilai tambah. Ia juga boleh digunakan untuk mendidik orang ramai khususnya kanak-kanak dan belia," katanya.

Jelasnya, sejak FIKS dilancarkan pada Julai 2020, ia telah menerima lebih 900 pelawat yang

terdiri daripada orang awam, wakil syarikat korporat, kementerian, agensi kerajaan, pelajar sekolah dan pertubuhan bukan kerajaan bagi mendapat maklumat lebih lanjut mengenai pemuliharaan dan guna semula sisa. Katanya, kemudahan FIKS dan IRF berjaya mengumpul lebih 100 tan sampah dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur dan Putrajaya setiap hari, sebelum mengasingkan sisa kering seperti kertas, kad-

bod, plastik dan kaca yang kemudiannya diproses untuk kitar semula serta guna semula.

"Sepanjang 2018, sebanyak 2.86 juta kilogram (kg) barangan boleh dikitar semula berjaya dikumpul dan 3.74 juta kg lagi pada 2019, iaitu peningkatan 31 peratus. Pada 2020, jumlah barangan boleh dikitar semula yang diperolehi ialah 4.12 juta kg, peningkatan sebanyak 11 peratus.

"Peningkatan ini disebabkan pendidikan berterusan yang dimulakan AFES di FIKS.

"Amalan pengurusan sisa semasa ialah syarikat konsesi memindahkan semua sisa dan sampah ke tapak pelupusan, namun perlu diingat kita tidak boleh bergantung kepada tapak pelupusan kerana ketersediaan tanah semakin berkurangan, malah tapak pelupusan sampah boleh mengundang kesan buruk jangka panjang kepada alam sekitar," tegas beliau.

Nazar berkata, bagi menangani isu berkenaan, pihaknya memiliki kemudahan loji pembakaran di Pulau Pangkor dan Cameron Highlands, sekali gus menyediakan alternatif kepada pengurusan tapak pelupusan.

"AFES bertindak lebih jauh berbanding syarikat konsesi pengurusan sisa yang lain apabila menyediakan penyelesaian jangka panjang, yang mana loji

di Pulau Pangkor mampu membakar sehingga 20 tan metrik sisa pepejal sehari, dan 40 tan lagi di loji Cameron Highlands. "Malah, AFES turut diiktiraf atas inisiatif dan usahanya dengan memenangi Best Environmental Impact Award for 2019 bagi projek insinerator di Pulau Pangkor dan Cameron Highlands pada Europa Awards for Sustainability anjuran EUMCCI - EU dan Malaysian Chamber of Commerce and Industry," katanya.

KHIDMAT FASILITA

Dalam usaha mengembangkan kehadiran jenamanya dalam kalangan orang awam, AFES melancarkan Fasilitas pada 1 Februari lalu, iaitu khidmat pembersihan ke hadapan komprehensif, termasuk penghapusan perosak sebagai lanjutan daripada khidmat Penyelesaian Pembersihan & Sisa Infrastrukturnya.

Perkhidmatan dengan sesi yang fleksibel, iaitu pada sebelah pagi atau petang itu dilancarkan oleh Pengarah AFES, Datuk Mohd. Zain Hassan di Ibu Pejabat AFES di Glenmarie, Shah Alam.

Mohd. Zain menekankan bahawa AFES kini turut memberi tumpuan kepada menyediakan perkhidmatan kepada masyarakat awam sebagai salah satu usaha untuk meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan alam sekitar yang bersih.

"Kami sering bekerjasama dengan badan berkanun dan agensi kerajaan yang cenderung menjadi klien. Pada masa sama, kami juga mahu mengedarkan matlamat dan objektif kelestarian Alam Flora kepada orang awam.

"Menerusi inisiatif Fasilitas yang memberikan akses terus kepada masyarakat untuk merasa sendiri pengalaman perkhidmatan profesional oleh Alam Flora, kami berharap perkhidmatan ini akan terus mewujudkan kesedaran terhadap persekitaran hidup lebih bersih dan memupuk budaya menjaga persekitaran.

"Buat masa ini, kami bermula di Kuala Lumpur dan Shah Alam," ujar beliau.



NAZAR memberi ucapan di Majlis 'Partners Recognition Award' di RISE, Kuala Lumpur.

DISEDIAKAN
OLEH

PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM